

10 MAY 1999

Sabah-pelancong

PENGUSAHA PELANCONGAN SABAH DIMINTA BERI TUMPUAN KEPADA PELANCONG TEMPATAN

KOTA KINABALU, 10 Mei (Bernama) -- Pengusaha pelancongan Sabah diminta supaya memberi tumpuan lebih untuk menarik pelancong dari dalam negara melawat negeri ini.

Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi, Datuk Chong Kah Kiat, berkata bahawa ini adalah penting dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan tukaran asing selain daripada memberi peluang yang lebih lagi kepada rakyat Malaysia, khususnya pelancong dari Sarawak dan Semenanjung untuk melawat tempat-tempat menarik di Sabah.

"Apabila kita bercakap mengenai pengusaha pelancongan, telah menjadi tradisi kita untuk membawa masuk pelancong dari luar negara, tetapi kita lupa bahawa kita ada lebih banyak dalam negara kita sendiri," katanya kepada pemberita selepas bertemu dengan Persatuan Pengusaha pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) cawangan Sabah di sini hari ini.

Katanya, ke arah ini, kerajaan negeri dan sektor swasta perlu bekerjasama untuk mencapai matlamat yang dimahukan.

"Sabah mempunyai berbagai tarikan seperti gunung, hutan dan pulau-pulau yang indah...tetapi kita masih lagi belum terokai potensi kita sepenuhnya," katanya.

"Ia adalah masalah perangkaian (networking) dan bagaimana kita boleh bekerjasama. Kita perlu menggunakan keakraban kita dan cuba memposisikan semula industri kita dengan melihat ke dalam," katanya.

Mengenai permintaan kerajaan negeri supaya Penerbangan Malaysia (MAS) menurunkan tambang dari Sabah ke Semenanjung, Chong berkata: "Saya gembira kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi perhatian mengenai perkara ini. Sebenarnya Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik telahpun meminta MAS mengkaji semula struktur tambang udara dengan serius."

"MAS mempunyai banyak pakej tetapi terdapat banyak syarat yang dikenakan dan ini tidak memberi kesan," katanya.

Mengenai kejayaan Borneo Eco Tours memenangi Anugerah Eko Travelasia Breakthrough 1999, Chong berkata ia adalah satu penghormatan kepada Sabah dan satu galakkan bagi promosi pelancongan eko.

Borneo Eco Tours dipilih sebagai syarikat pelancongan terbaik dalam empat satu di antara kategori oleh Venture Publishing Pte Ltd ketika PATA Travel Mart pada 12 April di Singapura.

Chong juga berkata Sabah juga telah dipilih sebagai tuan rumah kepada Persidangan Pelancongan Eko Dunia yang akan berlangsung selama satu minggu mulai 17 Okt depan.

Katanya kira-kira 300 peserta dari seluruh dunia, termasuk 19 pakar pelancongan, dijangka hadir pada persidangan itu.

-- BERNAMA

NT WAT